



Penglibatan pelajar yang ramai daripada sekolah-sekolah sekitar Kota Kinabalu

Foto Oleh Grace Nabawan

## Karnival Pendidikan Tinggi Negara Mendapat Sambutan HANGAT

Oleh Grace Nabawan

[graceeliagrace@gmail.com](mailto:graceeliagrace@gmail.com)

**KOTA KINABALU, 12 MAC** – Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) telah diadakan buat kali ke-13 bertempat di 1 Borneo Hypermall, Sabah pada pukul 8.30 pagi hingga 5 petang.

Program KPTN ini dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dan UMS telah dipilih menjadi tuan rumah bagi zon Sabah.

Program anjuran Jabatan pengajian Tinggi (JPT) ini membekalkan maklumat terkini berkenaan program-program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), IPT, Politeknik, Kolej Komuniti, dan ILKA bagi sesi akademik 2017/2018 serta menawarkan khidmat bimbingan kaunseling.

Karnival pendidikan Tinggi Negara ini diadakan di seluruh Malaysia dan melibatkan enam zon dan satu zon mini yang akan berlangsung bulan Februari sehingga Mac 2017.

Antara zon yang terlibat ialah Zon Timur di Aeon Bharu Kota Baharu Kelantan, Zon Mini di Dewan Ilmu Kampus

UNIMAP Pauh Putra Perlis, Zon Selatan di Padang Kawad Universiti Tun Hussien Onn(UTHM), Zon Utara di Padang Kawad Kampus induk UMS Pulau Pinang, Zon Sabah 1B Hypermall Pameran UMS bagi pusat luar UMS ( PLUMS) Kota Kinabalu Sabah, Zon Sarawak di City One Megamall Kuching dan Zon Tengah di Perkarangan Dewan Tunku Canselor USIM, Negeri Sembilan.

“Dengan program seperti ini saya dapat memilih di mana IPT pilihan saya dan saya juga tertarik dengan program pengajian yang ditawarkan” kata Saprya Dorse, 17, dari SMK Sungai Damit.

KPTN mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dan kebanyakannya terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang diiringi oleh guru dan ibu bapa masing-masing.

“Program sebegini dapat membantu kami sebagai pelajar sekolah dalam menentukan hala tuju melanjutkan pengajian setelah tamat sekolah menengah” kata Avy Adrianna Samson, 17, dari SMK Sungai Damit

“Saya berharap pelajar-pelajar dapat membuat pilihan mereka selepas tamat SPM nanti dan program ini sangat membantu mereka dalam memilih program mengikut minat mereka dan mereka juga boleh terus bertanya kepada pihak universiti tentang program pengajian yang mereka minati” kata Siti Mastura binti Hasan, Guru bimbingan kaunseling, SMK Sungai Damit, Tamparuli.